

Vaksin untuk 'frontliner' pelancongan

Kuala Lumpur: Pemberian vaksin Covid-19 petugas barisan hadapan pelancongan menerusi Pelan Imunisasi Covid-19 Kebangsaan akan dimulakan selepas selesai fasa suntikan anggota barisan hadapan dan golongan berisiko tinggi.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) semalam berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Kesihatan untuk memberi vaksin kepada anggota sektor berkenaan yang bertugas dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.